

Belia belajar tentang dunia doktor



TUNJUK AJAR:
Mahasiswa perubatan tahun kedua, Encik Muhammad Amirul Haqim Ghazali (*tengah*), memberi taklimat tentang intubasi (pengaliran tiub plastik ke dalam salur udara) kepada dua peserta Program Mendekati Perubatan Muslim. – Foto KHALID BABA

► **HARYANI ISMAIL**
haryani@sph.com.sg

USAHA proaktif karyawan dan mahasiswa perubatan Melayu/Islam setempat dalam mempertingkatkan kesedaran belia tentang bidang kedokteran mendapat sambutan menggalakkan.

Sekali gus, langkah menganjurkan Program Mendekati Perubatan Muslim itu juga dapat menekankan kepentingan menambah bilangan mahasiswa perubatan Melayu/Islam yang masih sedikit bagi memperkasa mutu kesihatan masyarakat ini yang meruncing.

Seramai 100 pelajar sekolah menengah, madrasah, maktab rendah dan politeknik menghadiri sesi hampir empat jam itu di Dewan Kuliah (LT) 36, Universiti Nasional Singapura (NUS), semalam.

Selain jawatankuasa mahasiswa perubatan dari Sekolah Perubatan Yong Loo Lin NUS, turut memberi kerjasama bagi menjayakan acara ini ialah Persatuan Karyawan Penjagaan Kesihatan Islam (MHPA).

Presiden MHPA, Dr Zuraimi Mohamed Dahlan, menjelaskan bahawa perwakilan anak Melayu/Islam dalam sekolah perubatan di sini masih terlalu kecil berbanding kaum lain.

Mengikut perangkaan antara 2008 hingga 2012, ia hanya membentuk antara 0.3 peratus hingga 3.8 peratus daripada keseluruhan jumlah mahasiswa perubatan.

“Dengan tersiarnya berita di akhbar *The Straits Times* bahawa penduduk Melayu adalah yang paling tidak sihat di Singapura, perlu ditekankan bahawa masalah ini perlu diatasi dengan kerjasama ramai dan bukannya orang

perseorangan sahaja.

“Harapan MHPA dengan adanya Program Mendekati Perubatan Muslim ini, lebih ramai pelajar Melayu/Islam terdorong memilih bidang perubatan untuk sama-sama membantu memperkasa kesihatan ummah kita,” katanya.

Penerangan menyeluruh tentang dunia perubatan disingkap secara bersahaja oleh mahasiswa – Encik Marcus Azizan Nasrullah Goh dan Cik Nadia Azlan.

Encik Mohamad Fahamy Koenitz Iskandar pula menceritakan laluan panjangnya mengikut bidang perubatan di Universiti Perubatan Antarabangsa (IMU) – Universiti Queensland, Australia. Turut menceritakan perspektif perjalanan hidup seorang doktor ialah Dr Ibrahim Hanif, Dr S.K. Abdul Shakoer dan Dr Jazlan Joosoph.

Peserta juga dibawa meronda stesen perubatan interaktif bagi meninjau cara doktor mengambil darah, menyisipkan tiub (intubasi) atau memberi bantuan pernafasan kecemasan (CPR).

“Saya suka aspek praktikal, mencuba sendiri beberapa proses tugas seorang doktor,” ujar Nur Ain Syuhadah Mohamed Anas, 16 tahun, pelajar Sekolah Menengah Bartley.

Ketua jawatankuasa penganjur, Cik Syifa Azhar, 20 tahun, pula menambah:

“Biasanya, acara diadakan kecil-kecilan. Kali ini, program dibuka kepada umum agar belia lebih dekat dengan tuntutan bidang perubatan.”

Sebagai susulan, setiap peserta juga berpeluang menjalani latihan amali bersama seorang doktor.